



GARIS PANDUAN LATIHAN PEKERJA, PENDAFTARAN PUSAT PENGAJAR DAN PENGENDALIAN KURSUS KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI RUANG TERKURUNG 2008



**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

<http://dosh.mohr.gov.my/>
JKKP DP 127/379/4-45
ISBN 978-983-2014-59-1

PRAKATA

Bekerja di ruang terkurung merupakan satu aktiviti yang boleh menyebabkan seseorang terdedah kepada suasana yang amat merbahaya yang boleh memudaratkan malahan juga boleh mengakibatkan kematian. Statistik juga menunjukkan berlaku banyak kemalangan maut kepada pekerja ketika bekerja di ruang terkurung seperti di dalam silo, pengandung tekanan, tangki, sistem pembentungan atau perparitan, sistem telekomunikasi dan lain-lain lagi. Semua pekerja yang mati adalah disebabkan terhidu gas beracun atau disebabkan oleh sesak nafas kerana kekurangan oksigen.

Bagi menyediakan pengetahuan serta kemahiran berhubung bekerja secara selamat dan sihat di ruang terkurung, semua orang yang terlibat dalam kerja-kerja di dalam ruang terkurung hendaklah diberikan latihan yang secukupnya. Latihan ini amat penting bagi semua pekerja tersebut bagi mendedahkan mereka kepada risiko bekerja dan seterusnya dapat mempraktikkan kaedah kerja yang selamat.

Menyedari hakikat ini, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menyediakan satu garis panduan bagi latihan pekerja, pendaftaran pusat pengajar dan pengendalian kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan di ruang terkurung. Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai keperluan latihan kepada mereka yang terlibat secara langsung di dalam bekerja di ruang terkurung, pendaftaran penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan, dan pendaftaran pusat pengajar bagi kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan di ruang terkurung.

Adalah diharapkan dengan adanya latihan ini akan meningkatkan kesedaran pihak majikan dan pekerja tentang risiko bekerja di ruang terkurung seterusnya mewujudkan satu tempat bekerja yang selamat dan sihat.

Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia

2008

PENGHARGAAN

Di kesempatan ini, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Penggubalan Bagi Pindaan Garis Panduan Latihan Pekerja, Pendaftaran Pusat Pengajar dan Pengendalian Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di Ruang Terkurung 2008 yang telah banyak memberi sumbangan, buah fikiran, pengalaman, tenaga dan masa dalam usaha menghasilkan garis panduan ini. Jutaan terima kasih juga khas kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan garis panduan ini.

Garis panduan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Semakan Dasar Jabatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Sekalung Penghargaan

Pn. Muaziah binti Abdul Rahman
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Tuan Haji Johari bin Jalil
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

En. Mohd Yunus bin Khalid
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Cik Zamrudah binti Yeop
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Pn. Shabanon binti Mohd Sharif
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

En. Abdul Hadi bin Ismail
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Pn. Katrina Ann Gumal
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Tuan Haji Ahmad Munauwar bin Abdullah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Majer (B) Hanif bin Maidin
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia

Tuan Haji Mohd Esa bin Haji Baruji
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
1.0 Latar Belakang	1
2.0 Tujuan Garis Panduan	1
3.0 Keperluan Latihan Untuk Orang Menjaga Dan Orang Yang Dibenarkan Masuk	2
4.0 Keperluan Latihan Dan Pendaftaran Dengan JKPP Untuk Penguji Gas Bertauliah Dan Penyelia Kemasukan	3
5.0 Keperluan Latihan Untuk <i>Fire Watch</i> Dan Pekerja Yang Dilantik Untuk Menjalankan Kerja-Kerja Menyelamat (<i>Rescue Services</i>)	6
6.0 Pendaftaran Sebagai Pusat Pengajar	7
Lampiran A - Borang Pendaftaran Bagi Penguji Gas Bertauliah/ Penyelia Kemasukan	14
Lampiran B - Borang Pembaharuan Pendaftaran Bagi Penguji Gas Bertauliah/Penyelia Kemasukan	16
Lampiran C - Borang Pendaftaran Pusat Pengajar	17
Lampiran D - Borang Maklumat Tenaga Pengajar	19
Lampiran E1 - Laporan Pengendalian Latihan Bekerja Selamat Di Ruang Terkurung	21
Lampiran E2 - Laporan Bulanan Pengendalian Latihan Bekerja Selamat Di Ruang Terkurung	22

1.0 LATAR BELAKANG

Bekerja di ruang terkurung mendedahkan seseorang itu kepada berbagai risiko. Di antara risiko itu ialah terhidu gas beracun seperti gas Hidrogen Sulfida (H_2S) dan Karbon Monoksida (CO), gas mudah terbakar seperti Metana (CH_4) atau lemas kerana kekurangan Oksigen (O_2).

Dari rekod-rekod yang terdapat di Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP), terdapat kes-kes di mana pekerja terkorban semasa bekerja di ruang terkurung kerana terdedah kepada risiko-risiko yang dinyatakan di perenggan satu di atas.

Bagi membantu majikan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 15, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, JKKP dalam tahun 2001 telah menyediakan satu kod amalan yang dinamakan Tataamalan Industri Bekerja Selamat Di Ruang Terkurung dengan nombor perwartaan PU(B) 224/2003.

Tataamalan Industri Bekerja Selamat Di Ruang Terkurung antara lain menggariskan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh majikan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja yang perlu bekerja di ruang terkurung. Salah satu perkara penting yang perlu dilaksanakan oleh majikan ialah memastikan pekerjaannya menjalani latihan yang bersesuaian.

Sehubungan dengan itu, JKKP dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) serta pihak industri telah merumuskan modul latihan bagi pekerja-pekerja yang bekerja di ruang terkurung.

2.0 TUJUAN GARIS PANDUAN

2.1 Garis panduan ini bertujuan untuk:-

- a) memberi penerangan mengenai keperluan mengikuti latihan bagi semua pekerja yang akan bekerja di ruang terkurung;
- b) memberi penerangan mengenai prosedur dan syarat pendaftaran dengan JKKP sebagai seorang penguji gas bertauliah/penyelia kemasukan; dan
- c) memberi penerangan mengenai prosedur dan syarat pendaftaran dengan JKKP sebagai pusat pengajar yang bertauliah untuk menjalankan kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan di ruang terkurung.

3.0 KEPERLUAN LATIHAN UNTUK ORANG MENJAGA DAN ORANG YANG DIBENARKAN MASUK

3.1 Keperluan mengikuti latihan

- 3.1.1 Setiap orang menjaga dan orang yang dibenarkan masuk adalah diwajibkan untuk menjalani latihan sebelum mereka dibenarkan bekerja di ruang terkurung.
- 3.1.2 Latihan yang dijalankan hendaklah dikendalikan oleh NIOSH atau oleh pusat pengajar yang berdaftar dengan JKPP.
- 3.1.3 Latihan yang dijalankan hendaklah menggunakan MODUL LATIHAN BEKERJA SELAMAT DI RUANG TERKURUNG UNTUK ORANG YANG DIBENARKAN MASUK DAN ORANG MENJAGA yang diluluskan oleh Ketua Pengarah JKPP.
- 3.1.4 Setiap orang yang dibenarkan masuk dan orang menjaga yang telah menghadiri latihan serta lulus ujian atau peperiksaan yang ditetapkan dengan jayanya akan diberikan kad perakuan latihan yang dikeluarkan oleh NIOSH.

3.2 Kelayakan mengikuti latihan

Pekerja tidak dikenakan apa-apa syarat kelayakan untuk mengikuti latihan ini.

3.3 Pengendalian ujian atau peperiksaan

- 3.3.1 Ujian atau peperiksaan yang ditetapkan bagi latihan untuk orang menjaga dan orang yang dibenarkan masuk hendaklah dikendalikan oleh NIOSH.
- 3.3.2 Ujian atau peperiksaan yang disebut dalam perenggan 3.3.1 hendaklah menggunakan skrip ujian / peperiksaan yang disediakan oleh NIOSH.

3.4 Keperluan mengikuti latihan semula (*Refresher Course*)

- 3.4.1 Orang yang dibenarkan masuk dan orang menjaga dikehendaki menghadiri latihan semula (*refresher course*) setiap dua tahun sekali, bermula dari cukup tempoh dua (2) tahun dari tarikh pertama mengikuti kursus.
- 3.4.2 Latihan semula hendaklah dikendalikan oleh NIOSH atau pusat pengajar yang berdaftar dengan JKPP.
- 3.4.3 Latihan semula (*refresher course*) yang dijalankan hendaklah menggunakan MODUL LATIHAN SEMULA BAGI BEKERJA SELAMAT DI RUANG TERKURUNG UNTUK ORANG YANG DIBENARKAN MASUK DAN ORANG MENJAGA yang diluluskan oleh Ketua Pengarah JKPP.

4.0 KEPERLUAN LATIHAN DAN PENDAFTARAN DENGAN JKPP UNTUK PENGUJI GAS BERTAULIAH DAN PENYELIA KEMASUKAN

4.1 Keperluan mengikuti latihan

- 4.1.1 Setiap penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan adalah diwajibkan untuk menjalani latihan sebelum mereka dibenarkan bekerja di ruang terkurung.
- 4.1.2 Latihan yang dijalankan hendaklah dikendalikan oleh NIOSH atau pusat pengajar yang berdaftar dengan JKPP.
- 4.1.3 Latihan yang dijalankan hendaklah menggunakan MODUL LATIHAN BEKERJA SELAMAT DI RUANG TERKURUNG UNTUK PENGUJI GAS BERTAULIAH DAN PENYELIA KEMASUKAN yang diluluskan oleh Ketua Pengarah JKPP.
- 4.1.4 Setiap penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan yang telah menghadiri latihan serta lulus ujian atau peperiksaan yang ditetapkan dengan jayanya akan diberikan kad perakuan latihan yang dikeluarkan oleh NIOSH.

4.2 Kelayakan mengikuti latihan

Seseorang yang hendak mengikuti latihan bagi penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan hendaklah:-

- a) telah mengikuti latihan bagi orang yang dibenarkan masuk dan orang yang menjaga serta lulus ujian atau peperiksaan yang ditetapkan baginya;
- b) mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau setaraf dengannya dan kredit dalam subjek sains atau sekurang-kurangnya gred C dalam subjek sains; dan
- c) mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja yang ada kaitan dengan ruang terkurung.

4.3 Pengendalian ujian atau peperiksaan

4.3.1 Ujian atau peperiksaan yang ditetapkan bagi latihan untuk penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan akan dikendalikan oleh NIOSH.

4.3.2 Ujian atau peperiksaan yang disebut dalam perenggan 4.3.1 hendaklah menggunakan skrip ujian/peperiksaan yang disediakan oleh NIOSH.

4.4 Pendaftaran dengan JKKP

4.4.1 Setiap penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan hendaklah mendaftar dengan JKKP.

4.4.2 Bagi pendaftaran sebagai penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan, permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang seperti di lampiran A. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan kad perakuan latihan yang dikeluarkan oleh NIOSH bagi tujuan pengesahan bahawa telah mengikuti latihan bagi penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan.

4.4.3 Pendaftaran sebagai penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan adalah sah bagi tempoh dua (2) tahun dari tarikh pendaftaran melainkan telah dibatalkan terlebih dahulu.

- 4.4.4 Bagi tujuan pembaharuan pendaftaran, seorang penguji gas dan penyelia kemasukan hendaklah menunjukkan bukti telah menghadiri latihan semula (*refresher course*) bagi penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan. Permohonan untuk pembaharuan sebagai penguji gas dan penyelia kemasukan hendaklah dibuat menggunakan borang seperti di lampiran B dan dihantar tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran.
- 4.4.5 Borang permohonan yang lengkap bersama dokumen sokongan hendaklah dihantar kepada:-

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia,
Aras 2,3 & 4, Blok D3, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

No. telefon : 03 - 8886 5000
No. faks : 03 - 8889 2339

4.5 Keperluan mengikuti latihan semula (*refresher course*)

- 4.5.1 Setiap penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan hendaklah menghadiri latihan semula (*refresher course*) sebagai satu syarat untuk memperbaharui pendaftaran dengan JKPP.
- 4.5.2 Latihan semula (*refresher course*) akan dikendalikan oleh NIOSH atau pusat pengajar yang berdaftar dengan JKPP.
- 4.5.3 Latihan semula (*refresher course*) yang dijalankan hendaklah menggunakan MODUL LATIHAN SEMULA BAGI BEKERJA SELAMAT DI RUANG TERKURUNG UNTUK PENGUJI GAS BERTAULIAH DAN PENYELIA KEMASUKAN yang diluluskan oleh Ketua Pengarah JKPP

5.0 KEPERLUAN LATIHAN UNTUK *FIRE WATCH* DAN PEKERJA YANG DILANTIK UNTUK MENJALANKAN KERJA–KERJA MENYELAMAT (*RESCUE SERVICES*)

5.1 Keperluan latihan bagi seseorang *fire watch* untuk kerja–kerja berkaitan kerja panas (*hot work*)

Jika terdapat keperluan tambahan untuk melantik seseorang *fire watch* bagi aktiviti kerja panas (*hot work*) seperti kimpalan di dalam ruang terkurung, setiap *fire watch* tersebut hendaklah:-

- a) telah menghadiri latihan bekerja selamat di ruang terkurung untuk orang yang dibenarkan masuk dan orang menjaga; dan
- b) telah menghadiri latihan asas melawan kebakaran (*basic fire fighting*).

5.2 Keperluan latihan bagi pekerja yang dilantik untuk menjalankan kerja–kerja menyelamat (*rescue services*)

Jika majikan menubuhkan pasukan penyelamat di dalam organisasinya bagi menjalankan kerja–kerja menyelamat di ruang terkurung, setiap ahli pasukan penyelamat tersebut hendaklah:-

- a) telah menghadiri latihan bekerja selamat di ruang terkurung untuk orang yang dibenarkan masuk dan orang menjaga;
- b) telah menghadiri latihan khidmat kecemasan dan menyelamat (*rescue and emergency services*) yang dijalankan oleh Jabatan BOMBA dan Penyelamat Malaysia atau setarafnya; dan
- c) telah menghadiri latihan asas pertolongan cemas (*basic first aid*).

6.0 PENDAFTARAN SEBAGAI PUSAT PENGAJAR

6.1 Keperluan mendaftar

- 6.1.1 Setiap pusat pengajar yang mengendalikan kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan di ruang terkurung hendaklah mendaftar dengan JKPP.
- 6.1.2 Setiap permohonan untuk tujuan pendaftaran pusat pengajar hendaklah dikemukakan kepada:-

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia,
Aras 2,3 & 4, Blok D3, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8886 5000

No. Fax : 03 – 8889 2339

6.2 Dokumen permohonan

Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan maklumat berikut:-

- a) surat permohonan;
- b) borang pendaftaran pusat pengajar yang telah diisi (Lampiran C);
- c) latar belakang syarikat, carta organisasi dan dasar keselamatan dan kesihatan;
- d) senarai dan maklumat pengajar kursus (Lampiran D) termasuk C.V;
- e) salinan sijil pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (ROC);
- f) nota lengkap latihan (berdasarkan modul latihan);
- g) plan pembelajaran / *lesson plan* (berdasarkan modul latihan);
- h) slaid persembahan / *presentation slide* (berdasarkan modul latihan);
- i) borang maklumbalas peserta;
- j) tatacara penyimpanan rekod peserta;
- k) salinan surat-surat perjanjian yang berkaitan; dan
- l) dokumen-dokumen sokongan.

6.3 Surat permohonan

Surat permohonan hendaklah disertakan dengan menyatakan tujuan dan butir-butir lengkap mengenai latihan yang akan dijalankan.

6.4 Borang pendaftaran pusat pengajar

Pemohon adalah dikehendaki mengisi maklumat di dalam borang pendaftaran pusat pengajar (Lampiran C) dan dikemukakan bersama permohonan.

6.5 Latar belakang syarikat dan carta organisasi

Pemohonan hendaklah disertakan dengan latar belakang dan profil syarikat dengan menyatakan jumlah kakitangan, jenis urusan utama syarikat, carta organisasi dan sistem pengurusan secara amnya.

6.6 Tenaga pengajar

6.6.1 Semua tenaga pengajar yang akan mengajar samada secara tetap atau jemputan, hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis daripada JKKP.

6.6.2 Bagi tenaga pengajar yang diambil secara jemputan, surat perjanjian diantara pusat pengajar dan pengajar berkenaan hendaklah dibuat bagi tempoh minimum tidak kurang daripada dua (2) tahun.

6.6.3 Maklumat berikut hendaklah di sertakan semasa permohonan:

- a) senarai dan maklumat pengajar (Lampiran D);
- b) salinan biodata diri (*curriculum-vitae*);
- c) salinan sijil-sijil berikut:-
 - i) salinan sijil kursus '*train the trainer*' yang dijalankan oleh NIOSH atau yang setaraf dengannya; dan
 - ii) salinan sijil '*trainer for AGT*' yang dijalankan oleh NIOSH.
- d) surat perlantikan tenaga pengajar;
- e) surat persetujuan daripada pusat pengajar;
- f) salinan surat perjanjian diantara pusat pengajar dan tenaga pengajar (jika pengajar diambil secara jemputan); dan
- g) salinan resit pembayaran KWSP (bagi pengajar tetap)

Nota : Salinan sijil berkaitan hendaklah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau sila kemukakan sijil asal kepada Jabatan ini untuk pengesahan

6.7 Kelayakan tenaga pengajar

Tenaga pengajar hendaklah merupakan seorang penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman sebagai penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan dan 2 tahun pengalaman mengajar dalam bidang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

6.8 Modul latihan

6.8.1 Semua modul latihan bagi latihan bekerja selamat di ruang terkurung hendaklah menggunakan MODUL LATIHAN BAGI BEKERJA SELAMAT DI RUANG TERKURUNG UNTUK ORANG YANG DIBENARKAN MASUK DAN ORANG MENJAGA dan MODUL LATIHAN BAGI BEKERJA SELAMAT DI RUANG TERKURUNG UNTUK PENGUJI GAS BERTAULIAH DAN PENYELIA KEMASUKAN yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh JKPP.

6.8.2 Semua modul latihan semula (*refresher course*) bagi latihan bekerja selamat di ruang terkurung hendaklah menggunakan MODUL LATIHAN SEMULA BAGI BEKERJA SELAMAT DI RUANG TERKURUNG UNTUK ORANG YANG DIBENARKAN MASUK DAN ORANG MENJAGA dan MODUL LATIHAN SEMULA BAGI BEKERJA SELAMAT DI RUANG TERKURUNG UNTUK PENGUJI GAS BERTAULIAH DAN PENYELIA KEMASUKAN yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh JKPP.

6.9 Nota pembelajaran

Nota pembelajaran hendaklah disediakan berdasarkan kepada modul latihan yang telah ditetapkan. Ianya perlu diberikan kepada peserta latihan semasa latihan dijalankan.

6.10 Plan pembelajaran

Plan pembelajaran (*lesson plan*) hendaklah disediakan berdasarkan kepada modul latihan yang telah ditetapkan. Ianya perlu digunakan sebagai panduan oleh tenaga pengajar semasa mengendalikan latihan.

6.11 Slaid persembahan

Slaid persembahan (*presentation slide*) hendaklah disediakan berdasarkan kepada modul yang telah ditetapkan serta nota latihan yang telah disediakan. Ianya perlu digunakan oleh pengajar semasa memberikan latihan. Slaid persembahan perlu disediakan samada di dalam bentuk '*microsoft power point*' atau transparensi.

6.12 Pengendalian ujian atau peperiksaan

6.12.1 Ujian atau peperiksaan yang ditetapkan bagi latihan bekerja selamat di ruang terkurung akan dikendalikan oleh NIOSH.

6.12.2 Ujian atau peperiksaan yang disebut dalam perenggan 6.12.1 hendaklah menggunakan skrip ujian/peperiksaan yang disediakan oleh NIOSH.

6.13 Laporan latihan

Pusat pengajar hendaklah mengemukakan kepada JKKP laporan seperti di lampiran E1 dan E2 bagi setiap latihan yang dikendalikan dalam masa lima belas (15) hari selepas tarikh tamat latihan dan laporan ringkasan bulanan latihan kepada JKKP.

6.14 Penyimpanan rekod peserta latihan

6.14.1 Rekod semua peserta latihan yang merangkumi maklumat-maklumat berikut hendaklah disimpan dan dikemukakan kepada JKKP apabila diperlukan:-

- a) nama peserta;
- b) nombor kad pengenalan;
- c) tarikh latihan diadakan;
- d) keputusan peperiksaan yang diduduki di NIOSH;
- e) nombor siri sijil kehadiran;
- f) rekod penilaian setiap peserta latihan termasuk laporan kerja tugas atau peperiksaan bertulis; dan
- g) borang maklumbalas latihan oleh setiap peserta.

6.14.2 Semua dokumen yang berkaitan dengan peserta latihan dan cawangan pusat pengajar hendaklah disimpan di ibu pejabat (*head quarter*).

6.15 Tempoh kelulusan pengiktirafan

Bagi pemohon yang telah memenuhi syarat bagi kelulusan yang telah ditetapkan, pengiktirafan akan diberikan untuk tempoh maksimum dua (2) daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan.

Nota : Pihak pemohon adalah bertanggungjawab bagi memastikan bahawa mana-mana perjanjian atau kontrak yang telah dibuat tidak luput di sepanjang tempoh kelulusan yang diberikan.

6.16 Lanjutan kelulusan pengiktirafan

Permohonan bagi lanjutan pengiktirafan sebagai pusat pengajar hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran seperti yang dinyatakan didalam surat kelulusan yang terdahulu. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut:-

- a) surat permohonan lanjutan ;
- b) semua maklumat seperti di dalam perenggan 6.2 ;
- c) carta organisasi terkini ;
- d) maklumat latihan yang telah dikendalikan dalam tempoh surat kelulusan terdahulu; dan
- e) senarai pengajar tetap atau jemputan terkini.

Peringatan : Pusat pengajar yang telah tamat tempoh sah seperti yang tercatat didalam surat kelulusan pengiktirafan adalah tidak dibenarkan mengendalikan kursus.

6.17 Penggantungan dan pembatalan pengiktirafan

6.17.1 Pengiktirafan sebagai pusat pengajar dengan JKKP ini boleh digantung atau dibatalkan jika didapati terdapat mana-mana syarat yang dinyatakan didalam surat kelulusan atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh Jabatan ini dari semasa ke semasa tidak dipatuhi.

6.17.2 Bagi pusat pengajar yang telah diberi pengiktirafan dan gagal mengemukakan permohonan untuk lanjutan dalam tempoh yang telah ditetapkan, pengiktirafan dengan JKKP akan terbatal.

6.18 Cawangan pusat pengajar

Pusat pengajar adalah tidak dibenarkan mengendalikan latihan selain daripada tempat yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pengiktirafan. Walaubagaimanapun pusat pengajar boleh memohon kepada JKPP untuk pembukaan cawangan.

6.19 Kelulusan bagi cawangan

Pemohon yang telah mendapat kelulusan pengiktirafan sebagai pusat pengajar dan bercadang untuk membuka cawangan hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada JKPP.

6.20 Dokumen dan maklumat tambahan

Maklumat berikut hendaklah dikemukakan semasa permohonan:-

- a) surat permohonan;
- b) maklumat pusat pengajar dan pengajar (sila isikan borang lampiran C dan borang lampiran D);
- c) carta organisasi cawangan; dan
- d) semua salinan surat perjanjian yang dimatikan setem di antara pusat pengajar dengan pihak-pihak yang berkaitan.

6.21 Pengurusan pentadbiran dan pengendalian

Bagi pembukaan cawangan pusat pengajar, perkara berikut hendaklah berada sepenuhnya di bawah kawalan dan tanggungjawab pengurusan ibu pejabat:

- a) pengendalian program disepanjang tempoh kursus;
- b) pengajar yang akan terlibat bagi kursus yang diadakan;
- c) plan pembelajaran (*lesson plan*);
- d) slaid persembahan (*presentation slide*);
- e) nota latihan;
- f) pengawalan dan pengeluaran sijil kursus;
- g) penyimpanan rekod peserta; dan
- h) semua urusan berkaitan dengan JKPP.

6.22 Kelengkapan dan kemudahan tempat

Kelengkapan dan kemudahan tempat adalah seperti berikut:-

- a) latihan yang dikendalikan oleh pusat pengajar hendaklah dijalankan di tempat latihan yang bersesuaian serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti alat pandang dengar (*audio visual aid*).
- b) kemudahan, alat kelengkapan dan persediaan latihan yang hendak dikendalikan hendaklah lengkap dan mencukupi.
- c) bagi latihan yang dijalankan secara *in-house*, pusat pengajar boleh menggunakan kawasan praktikal yang sesuai (seperti vessel atau lurang) yang disediakan oleh majikan atau yang terdapat di tempat kerja.
- d) kelonggaran ini diberikan dengan syarat mendapat persetujuan dari majikan berkenaan dan kod amalan berkerja selamat di ruang terkurung dilaksanakan sepenuhnya untuk memastikan keselamatan dan kesihatan peserta.

6.23 Prosedur pengendalian latihan

Prosedur pengendalian latihan adalah seperti berikut:-

- a) tempoh program latihan yang dijalankan bagi orang yang dibenarkan masuk dan orang menjaga hendaklah sekurang-kurangnya enam belas (16) jam bagi merangkumi semua topik di dalam modul tersebut.
- b) tempoh program latihan yang dijalankan bagi penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukkan hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam bagi merangkumi semua topik di dalam modul tersebut.
- c) latihan hendaklah dikendali dengan menggunakan bahasa penghantar yang mudah difahami oleh semua peserta.
- d) jumlah peserta di dalam setiap latihan hendaklah tidak melebihi 40 orang.



LAMPIRAN A

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA
 Borang Permohonan untuk Pendaftaran sebagai Penguji Gas Bertauliah dan/atau
 Penyelia Kemasukan

Sila tandakan (X) dalam kotak bagi kompetensi yang hendak dimohon:

Penguji Gas Bertauliah

Penyelia Kemasukan

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON		
Nama (dengan huruf besar):	Tarikh Lahir:	Sila sertakan tiga salinan gambar berukuran paspot
No. Kad Pengenalan* / No. Pasport*: Lama: Baru:	Tempat Lahir Bandar: Daerah: Negeri:	
Jantina: Lelaki / Perempuan	Kewarganegaraan:	
Alamat Pejabat: Poskod:	No. Telefon: No. Telefon Bimbit : No. Fax:	Alamat E-Mail:
Alamat Rumah: Poskod:	No. Telefon: No. Fax:	Alamat E-Mail:

B. PENCAPAIAN TERTINGGI AKADEMIK DAN KURSUS-KURSUS BERKAITAN YANG TELAH DIHADIRI			
B1. PENCAPAIAN TERTINGGI AKADEMIK*			
Nama Institusi	Tahun Pengajian		Pencapaian Tertinggi
	Dari	Hingga	

B2. KURSUS BERKAITAN YANG DIPEROLEHI*		
Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat kursus / Penganjur

(* Sila lampirkan salinan yang telah disahkan)

C. LATARBELAKANG PEKERJAAN & PENGALAMAN DALAM BIDANG RUANG TERKURUNG		
Keterangan Ringkas & Jenis Pengalaman	Tempoh Perkhidmatan	Nama & Alamat Majikan

D. JENIS-JENIS LATIHAN LAIN DALAM BIDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

E. PENGAKUAN
<p>Saya dengan ini mengaku bahawa kesemua butir-butir diatas adalah betul berasaskan kepada pengetahuan saya. Jika pihak tuan mendapati bahawa terdapat kenyataan saya yang tidak tepat atau palsu, maka saya bersetuju dan menerima supaya pendaftaran saya sebagai "Penguji Gas Bertauliah dan/atau Penyelia Kemasukan" ditolak.</p> <p>Tandatangan : Tarikh :</p> <p>Nama :</p> <p>Nama (Saksi) :</p> <p>No. KP :</p> <p>Tandatangan :</p>



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

Borang Permohonan Pembaharuan untuk Pendaftaran Sebagai Penguji Gas Bertauliah dan/atau
Penyelia Kemasukan

Sila tandakan (X) dalam kotak bagi pembaharuan kompetensi yang hendak dimohon:

Penguji Gas Bertauliah Penyelia Kemasukan

No. Pendaftaran: JKPP HIE 127/171-5 () No. Pendaftaran : JKPP HIE 127/171-6 ()

Tarikh tamat tempoh : Tarikh tamat tempoh :

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Aras 2, 3 & 4, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 W. P. Putrajaya

Saya

no. kad pengenalan / no.pasport
dengan ini mengaku bahawa –

- a) Saya telah menjalankan tanggungjawab bagi kompetensi di atas dengan cara yang professional dan beretika; dan
- b) Saya juga telah menghadiri kursus latihan semula (*refresher course* "Bagi Bekerja Selamat Di Ruang Terkurung Untuk Penguji Gas Bertauliah Dan Penyelia Kemasukan" -

Nama Pusat Pengajar :

Tarikh :

2. Dengan ini, saya ingin memohon untuk memperbaharui pendaftaran bagi kompetensi di atas bagi tempoh dua (2) tahun yang akan datang.

..... Tarikh :
(Tandatangan Pemohon)

Nama: Tel./No. Fax :

Alamat:
.....

* Sila kemukakan sijil berkaitan dan hendaklah disahkan seperti salinan asal kepada Jabatan ini untuk tujuan pengesahan kehadiran



LAMPIRAN C

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

Borang Pendaftaran Pusat Pengajar Kursus Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Di Ruang Terkurung

BAHAGIAN A : MAKLUMAT AM

A.1 Nama Pusat Pengajar :

A.2 Alamat Surat Menyurat :

A.3 Alamat Tempat Kursus Dijalankan :

A.4 No. Telefon :

A.5 No. Fax. :

A.6 E - mail :

A.7 Kursus yang disediakan

i. Latihan Bagi Orang Menjaga dan Orang Yang Dibenarkan Masuk

ii. Latihan Bagi Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan

BAHAGIAN B : KEMUDAHAN LATIHAN TEORI

B.1 Bilik Syarahan : Bilangan :

Muatan :

Ada

Tiada

B.2 Peralatan Mengajar : a) Papan Hitam

b) LCD

c) TV/Video

d) Komputer

e) Nota Syarahan

Ada	Tiada
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

B.3 Buku Rujukan : a) Buku AKKP 1994

b) Buku AKJ 1967

c) Buku Tata Amalan Industri Bekerja Selamat
Di Ruang Terkurung

Ada	Tiada
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

BAHAGIAN C : KEMUDAHAN KELENGKAPAN DAN PERALATAN LATIHAN PRAKTIKAL

Bil	Perkara	Perincian	Kuantiti	Ada	Tiada
C.1	<i>Personal Protective Equipment (PPE)</i> / Peralatan Perlindungan Diri (PPD)	1. Kasut keselamatan 2. Cermin mata keselamatan 3. Topi keselamatan 4. Sarung tangan 5. <i>Overall</i> / Pakaian sesi praktikal 6. Vest keselamatan 7. Respirator	Seorang satu unit setiap PPE		
C.2	Peralatan-peralatan	1. Alat penguji gas (<i>Multigas detector</i>)-beserta aksesori 2. Peralatan pernafasan (SCBA) - beserta aksesori 3. <i>Escape set</i> – beserta aksesori 4. <i>Airline system</i> – beserta aksesori 5. <i>Set tripod</i> + kelengkapan 6. Sawang-sawang (<i>Barricade tape</i>) 7. Kon 8. Papan tanda 9. <i>Lifeline</i> (1-5 meter) 10. <i>Ventilator + Electrical connection/Generator set</i> 11. <i>Distress Signal Unit (DSU)</i> (pilihan) 12. Payung besar (berteduh)	2 2 2 1 1 1 1 8 2 2 1 1		
C.3	Kawasan Praktikal	<i>Vessel</i> , Lurang atau lain-lain (Nyatakan)			



LAMPIRAN D

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

Borang Maklumat Tenaga Pengajar

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON		
Nama (dengan huruf besar):	Tarikh Lahir:	Sila sertakan tiga salinan gambar berukuran paspot
No. Kad Pengenalan* / No. Pasport*: Lama: Baru:	Tempat Lahir Bandar: Daerah: Negeri:	
Jantina: Lelaki / Perempuan	Kewarganegaraan:	
Alamat Pejabat: Poskod:	No. Telefon: No. Telefon Bimbit : No. Fax:	Alamat E-Mail:
Alamat Rumah: Poskod:	No. Telefon: No. Fax:	Alamat E-Mail:
No. Pendaftaran Penguji Gas Bertauliah : JKKP HIE 127/171-5 () (* Sila lampirkan salinan sijil pendaftaran yang telah disahkan)		No. Pendaftaran Penyelia Kemasukan : JKKP HIE 127/171-6 () (* Sila lampirkan salinan sijil pendaftaran yang telah disahkan)

B. PENCAPAIAN TERTINGGI AKADEMIK DAN KURSUS-KURSUS BERKAITAN YANG TELAH DIHADIRI			
B1. PENCAPAIAN TERTINGGI AKADEMIK*			
Nama Institusi	Tahun Pengajian		Pencapaian Tertinggi
	Dari	Hingga	

B2. KURSUS BERKAITAN YANG DIPEROLEHI*		
Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat kursus / Penganjur
Kursus Basic <i>Train the Trainer</i>		
Kursus <i>Trainer for AGT</i>		
Lain – Lain Kursus		

(* Sila lampirkan salinan sijil yang telah disahkan)

C. LATARBELAKANG PEKERJAAN & PENGALAMAN DALAM BIDANG RUANG TERKURUNG *		
Keterangan Ringkas & Jenis Pengalaman	Tempoh Perkhidmatan	Nama & Alamat Majikan

(* Sila sertakan surat pengesahan majikan)

D. PENGALAMAN MENGAJAR DALAM BIDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

(* Sila sertakan surat pengesahan majikan)

E. PENGAKUAN
<p>Saya dengan ini mengaku bahawa kesemua butir-butir diatas adalah betul berasaskan kepada pengetahuan saya. Jika pihak tuan mendapati bahawa terdapat kenyataan saya yang tidak tepat atau palsu, maka saya bersetuju dan menerima supaya pendaftaran saya ditolak.</p> <p>Tandatangan : Tarikh :</p> <p>Nama :</p> <p>Nama (Saksi) :</p> <p>No. KP :</p> <p>Tandatangan :</p>

LAMPIRAN E1

**LAPORAN PENGENDALIAN LATIHAN
BEKERJA SELAMAT DI RUANG TERKURUNG**

Jenis Latihan :

Tarikh Latihan :

Tempat Latihan Dikendalikan :
(Nama Organisasi & Alamat)

No. Telefon :

No. Faks :

E-mail :

Maklumat Peserta Program

Bil	Nama Peserta	No. Kad Pengenalan Atau Paspot
1.		
2.		

Program Yang Ke :

Jumlah Peserta :

Nama Jurulatih :

Alamat Majikan :

No. Telefon :

No. Faks :

E-mail :

Tandatangan Tenaga Pengajar :

Tarikh :

PERINGATAN : LAPORAN LENGKAP HENDAKLAH DIHANTAR & SAMPAI KE JABATAN INI TIDAK LEWAT DARI LIMA BELAS (15) HARI SELEPAS PROGRAM LATIHAN DIJALANKAN MELALUI POS ATAU FAKSMILI KE ALAMAT BERIKUT :

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530, Putrajaya

No. telefon : 03-88865000

No. faks : 03-88892339

LAMPIRAN E2

**LAPORAN BULANAN PENGENDALIAN LATIHAN
BEKERJA SELAMAT DI RUANG TERKURUNG**

i. Laporan Ringkasan Bulanan Latihan Untuk Bulan _____ Tahun 200 ____

ii. Maklumat Latihan

Bil.Latihan	Tarikh Latihan	Tempat Latihan Dikendalikan	Bil. Peserta Yang Hadir	Bil.Peserta (Terkumpul)

